



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

SAMBUTAN

**HARI INTEGRITI DAN IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

17 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

9.30 PAGI

**BERTEMPAT DI AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP
BANDAR PERDA
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Aziz Bin Aban

Pegarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama hadir dalam Sambutan Hari Integriti Dan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Aziz Bin Aban, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang yang telah sudi hadir ke Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk bersama-sama dengan warga MPSP bagi menjayakan Sambutan Hari Integriti Dan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di pagi ini.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Integriti merupakan konsep penting dalam pentaakulan (*rationalize*) atau rasionalisasi etika kerana integriti berkait rapat dengan pembentukan dan pengukuhan etika yang baik serta melaksanakan

perkara yang betul. Integriti juga menerangkan elemen tingkahlaku pekerja dan kejayaan yang melibatkan urusan yang adil, kejujuran dan kebolehpercayaan di tempat kerja.

Akhlik Mulia merupakan tuntutan agama kepada manusia untuk dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari demi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Dengan adanya akhlak yang mulia dalam diri seseorang, ia akan meningkatkan integriti seseorang yang merangkumi keikhlasan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai dan lain-lain tingkah laku yang baik.

Integriti juga bermaksud keterbukaan. Sehubungan dengan itu, MPSP akan memberi penekanan terhadap aspek Inklusif yang menjadi perkara utama bagi pembentukan Pelan Strategik Seberang Perai 2018 – 2022. Dalam aspek Inklusif Sosial, MPSP membuka peluang supaya komuniti dilibatkan dalam penyediaan bajet dan urus tadbir MPSP. Beberapa pendekatan telah dan akan diadakan seperti berikut:-

- ① Sesi “*Town Hall*” Pembentukan Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 yang merupakan sesi perbincangan dan konsultansi dengan semua *stakeholders*. Sesi ini akan diadakan pada 18 November 2017. Semua penduduk dijemput

hadir dan bebas memberi pandangan mengenai impian mereka untuk menjadikan Seberang Perai bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar.

- ① Memantapkan penyampaian maklumat dengan mengambil pendekatan tidak mengabaikan golongan kurang upaya. MPSP juga menyediakan juru bahasa yang menggunakan bahasa isyarat dalam mana-mana perjumpaan awam. Ini kerana orang kurang upaya juga mempunyai hak yang sama rata dan mereka juga perlu mengetahui apa yang berlaku dan akan dilakukan di Seberang Perai.
- ② Saya, sebagai Yang Dipertua MPSP juga telah turun padang berjumpa dengan 4,000 kakitangan MPSP termasuk pekerja awam di semua daerah untuk mendapat pandangan daripada mereka berhubung strategi yang perlu diambil oleh MPSP.

Dalam aspek Inklusif Ekonomi pula, MPSP telah mengadakan Dialog Bajet dengan *stakeholders* dan membentangkan laporan perbelanjaan dan seterusnya merangka kaedah membelanjakan peruntukan.

Dengan pendekatan Inklusif, ia dapat menjadikan Seberang Perai milik semua komuniti, “*City For All and No One Should Be Excluded*” dan inilah konsep integriti yang lebih luas.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

MPSP sentiasa berusaha untuk meningkatkan integriti dalam organisasi seperti mewujudkan:-

- ① Sistem kerja yang jelas dan telus;
- ② Sistem atau prosedur kerja yang utama dipersijilkan iaitu melalui:-
 - i. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS)
 - ii. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 (EMS)
 - iii. Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS)
 - iv. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS)
 - v. Sistem Pengurusan Persekutaran Berkualiti 5S (QEMS)
 - vi. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO 27001:2013 (ISMS)
 - vii. Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan (Anti-Bribery) ISO 37001:2016 (ABMS).

- ⌚ Bahagian Latihan MPSP juga telah menganjurkan sembilan (9) kursus / latihan / ceramah berhubung integriti kepada kakitangan MPSP sepanjang tahun 2016 sehingga 2017.

MPSP adalah organisasi pertama yang dipersijilkan Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan ISO 37001:2016 (ABMS) oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 20 Oktober 2017 dengan nombor siri pensijilan ABMS 00101. Sistem ini dilaksanakan di MPSP bertujuan untuk memperkasakan pematuhan undang-undang berkaitan suapan / sogokan serta membantu mengurangkan risiko suapan. MPSP berharap agar satu hari MPSP akan menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan bebas rasuah / sogokan.

Kesemua tujuh (7) persijilan di MPSP diaudit oleh juruaudit bebas bagi menentukan proses untuk menghasilkan sesuatu perkhidmatan yang dijalankan mengikut pematuhan kepada standard dan prosedur yang ditentukan. Oleh itu, *stakeholder* diberi kepastian mengenai tempoh masa, KPI dan perkhidmatan yang diberikan.

Manfaat yang boleh diperolehi daripada pelaksanaan sistem-sistem dan penganjuran kursus dan latihan ini adalah:

- Membudayakan dan meningkatkan integriti kakitangan MPSP dalam pelaksanaan tugas;
- Meningkatkan reputasi MPSP;
- Mengurangkan kos operasi;
- Mengukuhkan prestasi kewangan;
- Meningkatkan moral pekerja

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

MPSP amat memberi perhatian serius terhadap masalah integriti dan etika pada semua kakitangan tidak mengira barisan pengurusan tertinggi atau peringkat sokongan.

Sehingga September 2017, MPSP telah mengambil tindakan tatatertib terhadap lapan (8) orang kakitangan, yang mana enam (6) daripadanya telah dibuang kerja. Bagi kakitangan kontrak, 48 orang kakitangan telah ditamatkan perkhidmatan dan 42 orang kakitangan pula tidak diperbaharui kontrak kerja. Manakala pada tahun 2016, 105 orang kakitangan kontrak ditamatkan perkhidmatan dan 97 orang kakitangan tidak diperbaharui kontrak mereka.

Selain itu, sebanyak empat (4) orang kakitangan MPSP telah diambil tindakan berhubung kes yang melibatkan aktiviti suapan /

sogokan dari tahun 2011 hingga 2017. Seorang kakitangan telah dijatuhkan amaran dan ditangguhkan pergerakan gaji setahun, manakala dua (2) orang kakitangan telah dibuang kerja dan seorang lagi ditamatkan kontrak.

Saya menyeru semua kakitangan MPSP supaya sentiasa menjaga tata tertib semasa menjalankan tugas dan tiada kelewatan datang bertugas di tempat kerja. Memastikan semua peraturan perkhidmatan dipatuhi semasa menjalankan tugas. Semua tindakan yang diambil ini menunjukkan yang MPSP sangat serius dalam soal disiplin, etika dan integriti.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

MPSP juga tidak pernah mengabaikan kakitangan yang begitu komited dalam menjaga etika dan integriti kerja mereka. Sebagai menghargai pekerja-pekerja ini, MPSP telah memberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 221 kakitangan MPSP pada Tahun 2017. Selain daripada itu, sempena Hari Majlis 2017 yang telah berlangsung pada 23 Julai 2017 yang lalu, MPSP telah memberi pengiktirafan kepada 50 kakitangan dari pelbagai Jabatan sebagai Pekerja Contoh MPSP.

Akhir kata daripada saya, ingatlah bahawa rezeki yang kita perolehi pada setiap bulan adalah rezeki yang kita cari untuk menyara keluarga kita. Biarlah rezeki yang kita perolehi ini adalah daripada sumber yang baik dan halal. Insyallah kita akan lebih diberkati di dunia dan di akhirat. Marilah sama-sama kita berjanji dan berikrar agar amalan rasuah ini akan terus luput dalam ingatan kita melalui Ikrar Bebas Rasuah pada pagi ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.